

24/03/1999

Penggiliran boleh dimansuh jika semua setuju

KOTA KINABALU, Selasa - Sistem penggiliran Ketua Menteri boleh dimansuhkan dengan syarat ia dipersetujui semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri, kata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Lajim Ukin.

Katanya, jika semua pemimpin bersetuju, sudah pasti sistem itu tidak akan diteruskan.

"Sekiranya pemimpin komponen BN berasakan perlu dimansuhkan, saya rasa tiada halangan memansuhkan sistem itu," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah dikaji semula diserahkan kepada rakyat Sabah menentukannya.

Sistem penggiliran Ketua Menteri mula dilaksanakan di negeri ini pada 1994, seperti dijanjikan Perdana Menteri dalam manifesto pilihan raya ketika itu.

Tinjauan Berita Harian mendapati ramai penduduk tidak berpuas hati dengan sistem berkenaan dan berharap ia tidak diteruskan.

Seorang peniaga dari Keningau, David Ijol, 30, berkata, sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri tidak praktikal dan bercanggah dengan Perlembagaan Negeri Sabah.

Sehubungan itu, katanya kerajaan perlu memansuhkannya demi menjaga dan memelihara perlembagaan negeri.

Kakitangan syarikat swasta, Susan Lew, 27, dari Papar berkata pemansuhan penggiliran Ketua Menteri tidak menjejaskan perpaduan kaum di negeri ini.

"Ini kerana, Kabinet kerajaan negeri dianggotai masyarakat pelbagai kaum dan agama," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, wakil Umno perlu diberi penghormatan meneruskan jawatan berasaskan pencapaian parti berkenaan dan komitmen Bumiputera Islam menyokong Barisan Nasional.

Kakitangan kerajaan dari Tambunan, Hamzah Abie, 27, dari Tambunan berharap sistem berkenaan dimansuhkan kerana ia menimbulkan banyak masalah.

Sebagai contoh, katanya, seorang Ketua Menteri tidak berupaya melaksanakan perancangan dalam tempoh dua tahun.

"Ketua Menteri di pusingan kedua atau ketiga ada perancangan tersendiri, sekali gus perancangan terdahulu tergendala atau dilaksanakan tanpa memenuhi kriteria ditetapkan," katanya.

Peniaga yang hanya dikenali Ren, 27, dari Tamparuli menyifatkan sistem terbabit tidak memenuhi kehendak rakyat.

"Apalah salahnya jawatan Ketua Menteri diteruskan dalam tempoh lima tahun seperti dilaksanakan sebelum ini. Lagipun ia tidak menimbulkan masalah," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan BN tidak meneruskannya demi kepentingan penduduk negeri ini.

(END)